

# MalaysiaGazette

SPROUT YOUR MIND

[MUKA DEPAN](#) [NASIONAL](#) [POLITIK](#) [EKONOMI](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [SENI HIDUP](#) [RENCNA](#)

TERKINI

Korea Utara lancar peluru berpandu lagi

ART

## Hasil MSM meningkat 8.2%

[View](#) [Track](#)
**KORPORAT**

DI KUALA LUMPUR - 23 AUG 2016 (13 HOURS AGO)

1 of 1



MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 8.2 peratus kepada RM1.18 bilion pada separuh tahun kewangan 2016 walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar.

Perbandingan suku kedua, MSM mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 7.7 peratus daripada RM588.32 juta kepada RM633.86 juta dari tahun sebelumnya disertakan dengan peningkatan volum jualan sebanyak 4 peratus.

Keputusan ini dipacu oleh jualan yang lebih tinggi bagi segmen domestik dan eksport masing-masing sebanyak 19 peratus dan 22 peratus.

Disebabkan peningkatan mendadak harga komoditi serta tinjauan pasaran pertukaran mata wang asing yang mencabar, MSM mencatatkan margin keuntungan kasar sebanyak RM85.92 juta berbanding suku sebelumnya daripada RM103.59 juta.

Dengan separuh awal 2016 dipengaruhi oleh cabaran luar yang tidak mampu dikawal, kos pengeluaran yang meningkat, ditambah pula dengan 59 peratus peningkatan harga gas asli berbanding suku kedua tahun sebelumnya.

Bagi suku kedua tahun ini, keuntungan sebelum cukai (PBT) mencatat RM31.08 juta manakala keuntungan selepas cukai (PAT) mencatat RM23.68 juta.

"Industri gula global dipengaruhi oleh harga gula mentah yang kian meningkat. Atas faktor ini, kami amat berhati-hati dengan keadaan pasaran semasa. Kini, keutamaan kami adalah untuk menumpu pada pelan pertumbuhan sedia ada dan kekal kukuh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun ini," kata Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Beliau yakin dengan rancangan agresif yang disertakan dalam pelan hala tuju strategik dapat melindungi pendapatan, keuntungan dan nilai sasaran syarikat.

Strategi ini telah dilaksanakan melalui pelarasan harga bagi segmen industri, pengukuhan strategik bagi mekanisme pembelian gula mentah dan lindung nilai serta inisiatif pengurusan kos, terutamanya dengan pembinaan projek kilang gula di Johor dan kawalan pada kos perbelanjaan modal.

